

Cabaran wanita, kanak-kanak HIV/Aids

3.4 1510109 M1527



AZRUL MOHD KHALID
(Koordinator Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu
mengenai HIV/Aids)

SEJAK bermula epidemik di Malaysia, jangkitan HIV adalah melalui perkongsian jarum suntikan yang digunakan oleh pengguna dadah dan hubungan seksual heteroseksual. Kebanyakan daripada kes yang dilaporkan adalah lelaki dan terhad kepada pengguna secara suntikan.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini terdapat peningkatan bilangan kes di kalangan wanita dan kanak-kanak perempuan secara mendadak. Pada tahun 2007, hampir 70 peratus daripada keseluruhan kes terbaru HIV adalah daripada golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

Menurut laporan Kementerian Kesihatan, sehingga Disember 2007, kurang 10 peratus daripada 80,938 kes HIV dilaporkan di negara ini adalah golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

Data tersebut menunjukkan bahawa 16.4 peratus daripada kesemua kes terbaru HIV pada tahun itu adalah golongan yang sama. Ternyata peratusan tertinggi yang dilaporkan sejak bermulanya epidemik di negara ini.

Kebanyakan daripada kes itu berpunca daripada jangkitan menerusi hubungan seksual heteroseks. Kajian menunjukkan wanita muda dan kanak-kanak perempuan lebih terdedah kepada ancaman jangkitan HIV.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai HIV/Aids (UNAIDS), wanita menghadapi 2.5 kali lebih berkemungkinan dijangkiti HIV daripada lelaki disebabkan faktor biologi. Lelaki terus dijangkit HIV melalui perkongsian jarum suntikan manakala wanita dijangkiti melalui hubungan seksual.

Wanita dan kanak-kanak perempuan mengalami HIV dan Aids berbeza daripada dialami oleh lelaki dan kanak-kanak lelaki. Risiko terdedahnya mereka kepada HIV memerlukan respons yang berteraskan kefahaman gender.